

Forum BM

Forum 1

1.) Banyak cara pengusaha atau peniaga menarik minat orang ramai. Contohnya seperti yang banyak terdapat di akhbar-akhbar atau di majalah-majalah masa kini. Dalam iklan tersebut saya rasa pihak syarikat tidak peka atau pun sengaja tidak ambil kisah tentang penulisan mengikut bahasa yang betul, Penggunaan huruf besar dan kecil tidak mengikut hukum bahasa yang betul. Ini kerana mereka hanya memikirkan cara untuk melariskan jualan dan keuntungan yang bakal diperolehi tanpa memikirkan kesan lain. Ada juga iklan atau papan tanda yang menggunakan bahasa campuran Bahasa Malaysia dengan Bahasa Inggeris " Kursus Bahasa English" " Pakej Penginapan Business & Leisure" Bagi peniaga kecil juga mereka juga tidak terlepas dari melakukan kesilapan bahasa "Goreng Pisang Panas". Memang tidak dinafikan iklan hendaklah menggunakan ayat yang ringkas dan padat tetapi seharusnya ianya tidaklah salah dari segi hukum bahasa yang digunakan. Beberapa langkah wajar diambil bagi membendung kesalahan-kesalahan ini dari berulang. Pihak yang meluluskan iklan akhbar atau papan tanda mestilah mempunyai pakar rujuk bahasa yang diiktiraf oleh Dewan Bahasa .Selain itu Pihak PBT hendaklah bertidak tegas dengan mendenda atau menarik balik papan tanda yang salah dari segi bahasa.

2) Kesalahan bahasa sepatutnya tidak berlaku seandainya warga Malaysia prihatin dan sayang kepada bahasa Melayu. Perumpamaan "bodoh sombong" mungkin paling sesuai kepada individu, syarikat maupun pihak berkuasa tempatan yang memberi lesen iklan dan papan tanda tanpa merujuk terlebih dahulu pakar bahasa atau Dewan Bahasa dan Pustaka.

Antara kesalahan bahasa yang dapat dikesan ialah;

1. Di larang masuk:

Kesalahan penggunaan di yang sepatutnya dirapatkan dengan kata kerja larang

2. Awas kawasan pembinaan!

Kesalahan imbuhan, sepatutnya Awas kawasan pembinaan!

Cara untuk mengatasi kesalahan bahasa di papan tanda juga medium penyiaran ialah;

1. Wujudkan kursus, kempen atau badan pemantau untuk mendidik individu, masyarakat, syarikat agar lebih memahami bahasa Melayu.

2. Tindakan tegas berupa saman dikenakan kepada yang ingkar.

3. Pihak berkuasa tempatan mestilah menyediakan pegawai pakar bahasa Melayu untuk dirujuk sebelum sesebuah iklan atau papan tanda dibenarkan untuk dipamerkan.